

**SEJARAH PERKEMBANGAN KONSEP  
“MALAYSIAN MALAYSIA” PARTI TINDAKAN  
DEMOKRATIK (DAP)**

**CHIN WEI YEE**

**UNIVERSITI SAINS MALAYSIA  
2014**

**SEJARAH PERKEMBANGAN KONSEP  
“MALAYSIAN MALAYSIA”  
PARTI TINDAKAN DEMOKRATIK (DAP)**

**Oleh**

**CHIN WEI YEE**

**Tesis yang diserahkan untuk memenuhi keperluan bagi  
Ijazah Sarjana Sains Kemasyarakatan**

**Januari 2014**

## **PENGHARGAAN**

Rakaman penghargaan dan ucapan jutaan terima kasih ditujukan kepada Profesor Madya Latiff Kamaluddin atas segala nasihat, tunjuk ajar dan teguran beliau kepada pengkaji dalam menyelesaikan tesis ini. Beliau telah memberikan bimbingan, motivasi dan semangat untuk menyelesaikan kajian ini. Tidak lupa juga Dr. Azeem Fazwan Bin Ahmad Farouk sebagai Pengurus Rancangan Sains Politik yang telah banyak memberi bimbingan dan idea terutamanya berkaitan dengan ideologi politik.

Saya juga ingin mengucapkan terima kasih yang tidak terhingga kepada Pengurus DAP, Karpal Singh, Dr.Chen Man Hin , Dr.Tan Seng Giaw, Ahli Palimen Kawasan Kepong, Penasihat DAP, Dr.Chen Man Hin, Ahli Parlimen Kawasan Bakri, Encik Er Teck Hwa dan Editor Roket, Hamidi Ahmad. Mereka sudi meluangkan masa dalam melakukan temubual bersama pengkaji dan memberi kerjasama kepada pengkaji sepenuhnya semasa kerja lapangan kajian ini dilaksanakan.

Akhir sekali, penghargaan untuk keluarga tersayang, teristimewa kepada bapa (Chin Ti Cheong), Ibu (Ong Siew Chuo) dan kakak (Chin Sze Wei ) yang sayangi. Ucapan terima kasih juga ditujukan kepada Pihak Universiti Sains Malaysia yang telah memberi izin dan segala keperluan dalam menyelesaikan penelitian ini. Jutaan terima kasih ditujukan kepada Dekan Pusat Pengajian Sains Kemasyarakatan, Universiti Sains Malaysia iaitu Dr Nor Malina Malek.

**CHIN WEI YEE**

## **JADUAL KANDUNGAN**

	<b>Halaman</b>
<b>PENGHARGAAN</b>	ii
<b>JADUAL KANDUNGAN</b>	iii
<b>SINGKATAN NAMA</b>	vii
<b>ABSTRAK</b>	ix
<b>ABSTRACT</b>	x
<b>BAB 1 PENGENALAN</b>	<b>1</b>
1.1    Pendahuluan	1
1.2    Sorotan Karya	2
1.3    Latar Belakang Kajian	23
1.4    Pernyataan Masalah	25
1.5    Persoalan Kajian	26
1.6    Objektif Kajian	26
1.7    Jangka Masa Dan Skop Kajian	27
1.8    Metodologi	28
1.9    Kepentingan Kajian	29
1.10   Penerangan Bab	30
<b>BAB 2 KERANGKA KONSEPTUAL</b>	<b>34</b>
2.1    Pendahuluan	34
2.2    Pendekatan Pertama	37

2.3	Pendekatan Kedua	44
2.4	Kesimpulan	50

**BAB 3 PERKEMBANGAN KONSEP MALAYSIAN MALAYSIA 52**

3.1	Pengenalan Konsep Tradisional Malaysian Malaysia	52
3.2	Malaysian Malaysia V.S Malay Malaysian	55
3.2.1	Era 1970-an Sehingga 1980-an	63
3.2.2	Era 1980-an Sehingga 1990-an	66
3.3	Bangsa Malaysia V.S Malaysian Malaysia	70
3.4	Kerana-Mu Malaysia V.S Utamakan Malaysian	78
3.5	Satu Malaysia V.S Malaysia Pertengahan	82
3.6	Kesimpulan	86

**BAB 4 ISU POLITIK 87**

4.1	Pendahuluan	87
4.2	Politik Masyarakat Cina Di Malaysia	89
4.3	Dilema Masyarakat Cina Dan Hala Tuju Politik	98
4.4	Hala Tuju Masyarakat Cina Di Malaysia	109
4.5	Kesimpulan	110

**BAB 5 ISU BUDAYA 111**

5.1	Pendahuluan	111
5.2	Demokrasi Kebudayaan	112
5.3	Isu Sekularisme	124
5.4	Kesimpulan	133

<b>BAB 6 ISU BANGSA</b>	<b>136</b>
6.1 Pendahuluan	136
6.2 Penyemarakan Konsep Malaysian Malaysia	137
6.3 Pergelutan Konsep Malaysian Malaysia	140
6.4 Kesimpulan	147
<b>BAB 7 ISU EKONOMI</b>	<b>149</b>
7.1 Pendahuluan	149
7.2 Pembangunan Ekonomi Dan Pembinaan Negara Bangsa	150
7.3 Dilema Dan Kewajaran Pelaksanaan DEB	157
7.4 Reaksi Parti DAP Terhadap Dasar Ekonomi Baru (DEB)	160
7.5 Kesimpulan	171
<b>BAB 8 KESIMPULAN UMUM</b>	<b>174</b>
8.1 Pendahuluan	174
8.2 Menjawab Persoalan Dan Memenuhi Objektif Kajian	174
8.2.1 Melihat Mesej Sebenar Yang Cuba Disampaikan Oleh Parti DAP Selama Ini Menerusi Konsep Malaysian Malaysia	175
8.2.2 Melihat Perubahan Konsep Malaysian Malaysia Yang Diperjuangkan Oleh DAP Dalam Mengadaptasikan Isu-Isu Yang Berlaku Mengikut Peredaran Masa.	176
8.3 Cadangan Kajian Lanjutan	177
8.4 Kesimpulan Akhir	180
<b>RUJUKAN</b>	<b>182</b>

## **SINGKATAN NAMA**

ABIM	Angkatan Belia Islam Malaysia
BA	Barisan Alternatif
BCA	Bersih Cekap Amanah
BN	Barisan Nasional
DAP	Democratic Action Party
DEB	Dasar Ekonomi Baru
DEPAN	Dasar Ekonomi Untuk Pembangunan Negara
DKK	Dasar Kebudayaan Kebangsaan
DJZ	Dong Jiao Zhong
DPN	Dasar Pembangunan Nasional
GERAKAN	Parti Gerakan Rakyat Malaysia
IMP	Independence of Malaya Party
IPF	Indian Progressive Front
ISA	Internal Security Act
KBSM	Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah
KBSR	Kurikulum Baru Sekolah Rendah
KDN	Kementerian Dalam Negeri
MCA	Malaysian Chinese Association
MIC	Malaysian India Congress
MPAJA	Malayan People's Anti-Japanese Army
MPEN	Majlis Perundingan Ekonomi Negara
MRSRM	Maktab Rendah Sains Mara
MSC	Malaysian Solidarity Convention

NOC	National Operations Council
PAS	Parti Islam Se-Malaysia
PBMUM	Persatuan Bahasa Melayu Universiti Malaya
PBS	Parti Bersatu Sabah
PDRM	Polis DiRaja Malaysia
PKM	Parti Komunis Malaya
PKR	Parti Keadilan Rakyat
PPMIUM	Persatuan Pelajar- Pelajar Islam Universiti Malaya
PPP	People Progressive Party
PR	Pakatan Rakyat
PRU	Pilihan Raya Umum
PRK	Pilihan Raya Kecil
PRM	Parti Rakyat Malaysia
PSRM	Parti Sosialis Rakyat Malaya
PWTC	Putra World Trade Centre
RRJP	Rangka Rancangan Jangka Panjang
SAPP	Sabah Progressive Party
SF	Socialist Front
SJKC	Sekolah Jenis Kebangsaan Cina
SRJK	Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan
SUPP	Sarawak United People's Party
UDP	United Democratic Party
UMNO	United Malay National Organization
US	United States

**SEJARAH PERKEMBANGAN KONSEP “MALAYSIAN MALAYSIA”**  
**PARTI TINDAKAN DEMOKRATIK (DAP)**

**ABSTRAK**

Tesis ini mengkaji tentang sejarah perkembangan konsep “Malaysian Malaysia” yang dipegang oleh Parti Tindakan Demokratik (DAP) di Malaysia. Pada asasnya, gagasan “Malaysian Malaysia” diilhamkan oleh Lee Kuan Yew dari People Action Party (PAP). Kajian ini melihat penggunaan kerangka ideologi dalam menghuraikan gagasan “Malaysian Malaysia”. Akan tetapi, gagasan “Malaysian Malaysia” tidak dilihat sebagai ideologi politik seperti Sosialisme dan Kapitalisme. Kajian ini telah menggunakan pendekatan Alan Ware (1996) yang menyimpulkan bahawa terdapat kecenderungan untuk mengidentifikasi dan mengelompokkan ideologi politik berdasarkan kepada dua pendekatan. Pendekatan pertama dilakukan dengan menentukan ideologi-ideologi politik yang saling bersaing antara satu sama lain. Pendekatan kedua dapat dilakukan dengan mengelompokkan ideologi-ideologi politik yang memiliki kesamaan dan berada dalam satu rumpun keluarga. Persoalan utama yang ditimbulkan dalam kajian ini adalah apa erti sebenar gagasan “Malaysian Malaysia” oleh DAP yang telah melakukan perubahan slogannya dari semasa ke semasa dalam menghadapi persaingan propaganda pemerintah. Selanjutnya penyelidik bertanya bagaimana perubahan konsep “Malaysian Malaysia” yang diperjuangkan oleh DAP dalam mengadaptasikan isu-isu yang berlaku mengikut peredaran masa? Bagi menjawab soalan-soalan ini, penyelidik menggunakan pendekatan kualitatif dalam usaha mengumpul data kajian yang diperlukan dalam penelitian ini. Data-data yang digunakan dalam penelitian ini adalah terdiri daripada data primer dan data sekunder. Data primer merupakan data yang dikumpul oleh pengkaji sendiri. Dalam data primer ini, pengkaji melakukan temubual bersama responden yang dipilih. Pengkaji menjalankan proses temubual berkaitan pandangan pemimpin-pemimpin DAP terhadap retorik dan gagasan parti politik parti mereka. Data sekunder pula, kajian-kajian perpustakaan digunakan untuk melengkapi keperluan kajian ini. Pengkaji menggunakan rujukan dari sumber-sumber bercetak seperti tesis, buku dan majalah. Kajian ini bertujuan melihat mesej sebenar yang cuba disampaikan oleh Parti DAP selama ini menerusi konsep “Malaysian Malaysia”. Selain itu, dalam membangun sebuah teori, sesuatu konsep harus dihubungkaitkan seluruhnya secara generalisasi. Selalunya generalisasi ialah suatu kenyataan yang digunakan untuk menghubungkan suatu atau dua konsep. Oleh hal demikian, melalui kajian ini akan melihat perubahan DAP dalam mengadaptasikan peristiwa politik yang mempunyai keunikan tersendiri mengikut peredaran masa. Hasil kajian mendapati bahawa DAP telah mengubahsuai gagasan pada asalnya “Malaysian Malaysia” bertukar menjadi Malaysia Diutamakan dan Malaysia Pertengahan. Melalui kajian ini dapat melihat DAP yang berteraskan gagasan tersebut mengaplikasikan dalam aspek politik, budaya, bangsa dan ekonomi.

## **THE HISTORICAL DEVELOPMENT OF DAP CONCEPT MALAYSIAN MALAYSIA**

### **ABSTRACT**

This thesis examines the historical development of the concept Malaysian Malaysia held by the Democratic Action Party(DAP) in Malaysia. Basically, the idea of Malaysian Malaysia is inspired by Lee Kuan Yew of the People Action Party (PAP). The study looked at the use of the ideological framework in describing the notion of Malaysian Malaysia. However the idea of Malaysian Malaysia is not seen as a political ideology such as socialism and capitalism. This study adopts Alan Ware(1996)which concludes that there is a tendency to identify and classify a political ideology based on two approaches.The first approach is done by determining which political ideologies mutually compete against each other. The second approach can be done by grouping political ideologies that have common identity and in a community of families. The main question posed in this study is what the true meaning of the notion of Malaysian Malaysia by DAP has made changes to its slogan from time to time in the face of government propaganda challenges.Then the researcher asked how the changes the concept of Malaysian Malaysia championed by the DAP adapt the issues that occur over time? In order to answer these questions, the researcher used a qualitative approach in order to collect the necessary data collected in this study. The data used in this study consisted of primary data and secondary data obtained. Primary data is data collected by the researcher. In the primary data, the researcher interviews with selected respondents. The researcher conducted the interviews related to DAP leaders view the rhetoric and political ideas of their party. Meanwhile secondary data, library studies used to complete the requirements of this study. The researcher uses references from printed sources such as thesis,books and magazines.This research aims to discover DAP trying to convey the real message via the concept of Malaysian Malaysia. Moreover in developing a theory, a concept should be attributed entirely in generalizations. Often generalization is a statement that is used to connect one or two concepts. Therefore this study will look into the effort of DAP adopting a political event that has its own uniqueness according to times changes. Outcome of this study found that the DAP was to modify the original idea Malaysian Malaysia shift to Malaysian First and Middle Malaysia. Through this reserach can be seen, the idea that DAP uphold has been applied in the political, cultural, racial and economic arenas.

## **BAB 1**

### **PENGENALAN**

#### **1.1 Pendahuluan**

Malaysia merupakan sebuah negara yang mengamalkan sistem pelbagai parti iaitu dengan kewujudan pelbagai parti politik.<sup>1</sup> Penubuhan parti- parti politik di Malaysia dipengaruhi oleh beberapa pertimbangan antaranya berasaskan perkauman, ideologi dan agama. Penubuhan awal parti- parti politik di negara ini lebih banyak berasaskan kepada pertimbangan perkauman yang rata- rata bertujuan menjaga kepentingan ekonomi, sosial dan politik sesuatu komuniti. Manakala, pertimbangan ideologi telah membawa kepada terbentuknya parti- parti politik seperti Parti Buruh dan Parti Rakyat . ‘Democratic Action Party’ (DAP) atau Parti Tindakan Demokratik dilihat lebih berkiblatkan kepada aliran sosialisme demokratik iaitu memberi penekanan kepada pembentukan sebuah Negara Malaysia yang bebas, demokratik dan sosialis. Dengan kata lain, ia lebih berasaskan kepada prinsip kesaksamaan kaum, keadilan sosial dan ekonomi. Dengan berteraskan kepada gagasan ‘Malaysian Malaysia’, ia telah memudahkan Parti DAP mendapat sokongan padu daripada masyarakat bukan Melayu khususnya kaum Cina di negara ini. Justeru itu, keadaan ini membolehkan DAP bertapak kukuh sejak awal penubuhannya.

---

<sup>1</sup> Parti- parti yang ditubuhkan seperti Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu (UMNO), Pertubuhan Cina Malaysia (MCA), Kongres India Se-Malaysia (MIC), Parti Tindakan Demokratik (DAP), Parti Progresif Rakyat (PPP), Parti Gerakan Rakyat Malaysia (Gerakan), Parti Islam Se-Malaysia (PAS), Parti Keadilan Rakyat (PKR), Parti Rakyat Bersatu Sarawak (SUPP), Parti Progresif Sabah (SAPP), Parti Negara, Parti Buruh dan Parti Rakyat Malaysia (PRM).

Sejajar dengan kenyataan ini, DAP berjaya mendapat sokongan daripada para pengundi di bandar- bandar besar yang majoritinya terdiri daripada bangsa Cina termasuklah di Pulau Pinang, Selangor, Kuala Lumpur, Perak, Negeri Sembilan dan Wilayah Persekutuan.<sup>2</sup> Walaupun DAP selalu menampilkan sebuah parti berteraskan Demoristik-Sosial, tetapi ia didominasi oleh kaum Cina sahaja. Gagasan “Malaysian Malaysia” dilihat telah mendarangkan masalah ke dalam struktur politik Malaysia.<sup>3</sup> Gagasan “Malaysian Malaysia” yang pada asasnya dicetuskan oleh Lee Kuan Yew berdasarkan persekitaran politik pada masa itu. DAP yang meneruskan gagasan Lee Kuan Yew diibaratkan sebagai ‘duri dalam daging’ dalam senario politik Malaysia sehingga ia menjadi agenda politik yang hangat dan sering dipertikaikan oleh rakyat Malaysia. Secara amnya, kajian ini akan membahaskan konsep “Malaysian Malaysia” yang menjadi tali perjuangan Parti DAP dengan membincangkan persaingan ideologi politik daripada pihak lawannya ke arah melaksanakan dan menjayakan gagasan ini.

## 1.2 Sorotan Karya

Berdasarkan kepada kajian- kajian literatur, sehingga hari ini banyak bahan bacaan yang mengulas mengenai konsep “Malaysian Malaysia”. Ianya terdiri daripada tulisan ilmiah yang biasanya didapati melalui sumber- sumber penulisan jurnal dan buku akademik yang berkaitan dengan kajian asal- usul dan perkembangan sejarah

---

<sup>2</sup> Lihat DAP Dalam Politik Malaysia: Satu Tinjauan Dari Manifesto, Pencapaian Dan Cabaran. [Atas Talian]. Dilayari pada 27 Ogos 2012. Boleh dilayari di laman< <http://www.scribd.com/doc/9646470/DAP-Dalam-Politik-Malaysia>>.

<sup>3</sup> ‘Malaysian Malaysia’ adalah konsep yang memperjuangkan kesamarataan di antara kaum secara liberal yang diasaskan oleh People’s Action Party (PAP). Sejak awal pengasasannya lagi, konsep ini telah mendapat tentangan hebat daripada pemimpin masyarakat Melayu. Gagasan yang dipelopori oleh Lee Kuan Yew itu dianggap gagal untuk memahami bahawa dalam sebuah negara yang bersifat majmuk, semua kaum perlu hormat- menghormati di antara satu sama lain bagi menjamin keamanan. (Lihat Rizal Yaakop, 2011).

politik Singapura secara teoritikal. Kombinasi kajian- kajian terdahulu berkaitan kedua- dua Parti iaitu di antara PAP dan DAP membolehkan pengkaji mendefinisikan masalah yang dihadapi secara kukuh dan membantu pengkaji dalam melengkapkan kajian ilmiah ini. Dengan adanya kajian- kajian literatur ini, ia juga membantu pengkaji memperlihatkan suatu rangkuman yang lebih berkesan berkenaan permasalahan yang ingin dikaji. Oleh itu, kajian ini bertujuan mengkaji dan menganalisis kecenderungan yang tersirat di sebalik topik- topik serta intipati- intipati yang terkandung dalam konsep “Malaysian Malaysia” yang didukung oleh DAP. Namun, menerusi bahagian ini, kajian- kajian lepas yang dilakukan oleh para pengkaji serta karya sedia ada yang berkaitan dengan skop kajian ini akan dibincangkan. Antara kajian terdahulu yang menyentuh isu “Malaysian Malaysia”, meneliti asal- usul gagasan ini dan memperlihatkan gabungan Singapura dengan Malaya, seterusnya Parti DAP meneruskan gagasan “Malaysian Malaysia” selepas Singapura berpisah dengan Malaysia antara lain adalah kajian yang dijalankan oleh Mohamed Nordin Sopiee (1976:91). Beliau menyatakan bahawa Singapura dari segi sejarah adalah sebahagian daripada Semenanjung Tanah Melayu. Beliau turut menjelaskan bahawa Malaya di bawah pimpinan Tunku Abdul Rahman telah mencapai tahap penyatuan Malaya-Singapura bermula pada 16 September 1963 hingga bulan Ogos 1965. Tempoh ini merupakan tempoh yang merangkumi sejarah kerjasama dan konflik dalam pembentukan dan pembinaan sebuah negara.

Pembentukan Malaysia mengikut Mohamed Nordin adalah berasaskan dua teori iaitu Teori Keselamatan dan Teori Perluasan. Berdasarkan teori yang pertama, pembentukan itu dilakukan oleh kerana Kuala Lumpur tidak mahu Singapura yang semakin hari semakin kuat pengaruh kiri atau pro-komunis. Sementara itu, mengikut

teori kedua, percantuman Malaysia-Singapura selaras dengan usaha memperluaskan Persekutuan Tanah Melayu oleh Tunku Abdul Rahman. Pendapat ini berasaskan kepada pendapat lima orang Menteri Persekutuan dan dua orang pegawai awam yang ditemubual oleh Mohamed Nordin (1976:125-127). Mohamed Nordin mengulas lagi bahawa konsep “Malaysian Malaysia” diterima oleh orang bukan Melayu, manakala orang Melayu menolak konsep tersebut. UMNO menuduh Lee Kuan Yew dan PAP mempersoalkan kedudukan hak dan keistimewaan orang Melayu.

Dalam penulisan buku yang dikarang Tunku Abdul Rahman (1977) berjudul “*Monday Musings and Memories*” turut mengulas pada waktu Singapura menyertai Malaysia, Lee Kuan Yew terus memperjuangkan konsep “Malaysian Malaysia” di mana beliau bercita-cita mahu menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara pelbagai bangsa yang mengamalkan sistem meritokrasi. Sementara itu, apabila Lee Kuan Yew mengadakan pilihan raya Singapura pada 21 September 1963 untuk mendapatkan mandat baru selepas pembentukan Malaysia, Parti Perikatan Singapura yang pro-dasar Tunku Abdul Rahman di Semenanjung Tanah Melayu juga menyertai pilihan raya tersebut. Namun, semua calon Parti Perikatan tersebut telah kalah kepada PAP.

Dalam sebuah buku yang dikarang oleh Edwin Lee (2008) yang berjudul “*Singapore: The Unexpected Nation*” telah mengulas keajaiban Lee Kuan Yew yang berjaya mengatasi fahaman komunis yang semakin bercambah. Dalam insiden ini, Lee Kuan Yew bertekad membawa Singapura bergabung dengan Malaya sebagai jalan keluar dan bebas daripada cengkaman kolonial Britain. Pada masa yang sama, nescaya dapat membendung pengaruh komunis yang berleluasa. Kesungguhan Lee Kuan Yew yang ingin mencantumkan Singapura dengan Malaya akhirnya terpaksa menghadapi aristokratik golongan Melayu yang mempunyai semangat nasionalisme

yang membara. Golongan aristokratik berpendapat bahawa Melayu adalah dominan di Malaysia ekoran golongan Bumiputera telah bertolak-ansur dalam pemberian hak kewarganegaraan kepada golongan bukan Bumiputera. Namun demikian, kedegilan Lee Kuan Yew seringkali menegaskan kesaksamaan untuk semua kaum di mana tiada etnik yang khas menikmati hak dan keistimewaan. Falsafah yang dipegang oleh beliau iaitu ‘Malayan Malaya’ dilihat bertentangan dengan ‘Malay Malaya’. Dengan penubuhan Malaysia pada tahun 1963, Lee Kuan Yew telah menonjolkan diri dalam ideologi beliau dengan menuntut multi-rasial kesaksamaan yang bersandarkan pada gagasan “Malaysian Malaysia”. Pendek kata, muncul falsafah yang bertentangan di antara “Malay Malaysia” dengan “Malaysian Malaysia”. Percanggahan dua falsafah ini mengakibatkan Singapura berpisah dengan Malaysia. Dalam penulisan Edward Lee menjelaskan bahawa rakyat Singapura menyokong gagasan “Malaysian Malaysia”. Sebaliknya, ia telah dikutuk oleh kebanyakan pemimpin Melayu dari Kuala Lumpur. Golongan akademik mengkategorikan konflik ini sebagai pasca penubuhan Malaysia yang diibaratkan “*the first stirrings of Singapore Nationalism*” (Edwin Lee, 2008).

Pada umumnya, kajian berkaitan dengan Parti PAP yang melancarkan konsep “Malaysian Malaysia” merupakan faktor pencetus Negara Singapura berpisah dengan Malaysia. Buku yang bertajuk “*A moment of anguish: Singapore in Malaysia and the politics of disengagement*” menyatakan bahawa perbezaan dalam semangat kebangsaan dan kepercayaan politik merupakan faktor utama yang menyebabkan kegagalan gabungan di antara Singapura dengan Malaysia. Semangat kebangsaan rakyat Malaysia adalah berhaluan kanan, anti-komunis dan dipengaruhi oleh sifat perkauman yang jelas seperti pro-Melayu. Sementara itu, Singapura telah

berkembang pesat menjadi negeri yang didominasi oleh orang Cina, kerajaan yang berhaluan kiri, bukan Komunis dan perkauman secara luaran (Albert Lau, 1988:9). Di samping itu, Albert Lau juga membincangkan Nasionalisme Malaysia berteraskan kepada Nasionalisme Melayu dan Hak-hak Keistimewaan Bumiputera. Manakala Nasionalisme Singapura berteraskan kepada sosialisme dan kesaksamaan. Walaupun pada mulanya, Singapura bercantum dengan Malaya bersertakan Sabah dan Sarawak dalam pembentukan Malaysia, namun begitu tindakan Singapura menguar-uarkan “Malaysian Malaysia” umpama ‘api dalam sekam’ hingga mencetus ketidakpercayaan di antara Parti PAP dengan Parti Perikatan. Jelasnya, percanggahan nasionalisme mengakibatkan pemisahan di antara Negara Malaysia dengan Singapura.(Albert,1988)

Menurut Charles Richard Ostrom (1973:77), Lee Kuan Yew dilihat mahukan percantuman Singapura-Malaysia sebagai alat untuk mencapai kemerdekaan dan meningkatkan kebijakan serta kemakmuran Singapura. Charles Richard Ostrom turut menyentuh sebelum pada tahun 1954, Parti PAP di bawah kepimpinan Lee Kuan Yew telah berjuang di atas dasar untuk mencapai kemerdekaan melalui penyatuan dengan Persekutuan Tanah Melayu. Tambahan pula, pada pandangan Lee Kuan Yew, prospek ekonomi di Singapura tidak begitu baik dan kemerdekaan akan mengakibatkan ‘Singapore’s economic isolation’ (Charles Richard Ostram, 1988:88). Beliau turut membincangkan satu lagi faktor penting yang mempengaruhi Singapura ke arah penyatuan dengan Tanah Melayu. Faktor tersebut adalah berkenaan dengan kepentingan keselamatan dan pertahanan Pulau Singapura. Hal ini kerana mengikut dokumen PAP pada tahun 1960 iaitu:

*“Singapore and Malaya are one unit. Colonialism has made a technically international frontier on the Straits and created two states. He who conquers Malaya. Conquers Singapore. And conversely he who holds Singapore absorbs Malaya”*. Dalam Charles Richard Ostrom (1973:108)

Menurut R.S. Milne (1967), Parti PAP yang mendukung pendekatan Malaysian Malaysia telah menyebabkan kerajaan di bawah pimpinan UMNO cenderung untuk menegaskan pemilikan Melayu terhadap negara, penambahbaikan sosio-ekonomi orang Melayu dan menjaga hak dan keistimewaan untuk orang Melayu. Ia adalah merangkumi keseluruhan konsep Ketuanan Melayu atau hegemoni Melayu di negara ini. Kebimbangan UMNO dalam hubungannya dengan masyarakat Cina di Tanah Melayu dan Singapura adalah disebabkan oleh status sosio-ekonomi yang rendah dalam kalangan orang Melayu. Secara ringkasnya, kedudukan orang Melayu dalam lingkungan politik perlu diperkuatkan lagi untuk menghadapi ketidakseimbangan ekonomi dalam hubungannya dengan masyarakat bukan Melayu, terutamanya orang Cina yang dianggap rakus dan tidak sensitif kepada budaya masyarakat Melayu. Nada anti-Cina oleh golongan ultra-Melayu pada tahun 1960-an sebahagian besarnya diarahkan kepada PAP dan Lee Kuan Yew. Ia merupakan tanda sentimen politik dan perasaan tidak selamat masyarakat Melayu secara umum yang bertambah parah hasil daripada pengembangan penduduk Cina di Malaysia menerusi percantuman dengan Singapura. Perasaan tidak selamat dan sikap rendah diri dalam kalangan orang-orang Melayu berbanding dengan kemewahan dan keagungan masyarakat Cina menjadi pokok perdebatan tentang gagasan “Malaysian Malaysia” (R. S Milne, 1967:213).

Menurut Vasil (1980) dalam tulisannya yang berjudul *“Ethnic Politics In Malaysia”*, kemunculan Parti DAP pada zaman 60-an telah menjelaskan hubungan di antara kaum. Menurut beliau, penubuhan Parti DAP adalah lebih bersifat homogeni dan secara jelas ianya Pro-bukan Melayu. DAP telah menghimpunkan kemarahan

dan kekecewaan terhadap MCA dan MIC. Melalui pendekatan ini, ia membolehkan DAP berkembang dengan begitu pesat dan memberi pengaruh yang besar dalam arena politik Malaysia pada pasca 1965. Sungguhpun pengaruh DAP dapat diperluas dengan cepat, namun pada awalnya ia sudah berakar umbi daripada parti induk iaitu PAP sejak tahun 1963 hingga 1965. Selepas Singapura berpisah dengan Malaysia, masih terdapat wakil PAP yang tunggal di Malaysia iaitu Devan Nair. Devan Nair merupakan rakyat Malaysia, di bawah kepimpinannya, komponen PAP berdasarkan Malaysia yang berpaksikan kepada prinsip PAP dari Singapura. Menurut Vasil, sejak dari awal penubuhan Parti DAP, beliau menampilkan diri dalam menjuarai gagasan Malaysian Malaysia, di samping itu mengikuti pengalaman PAP sebelum Singapura berpisah dengan Malaysia dan juga mempelopori gagasan “Malaysian Malaysia” akhirnya telah membangkitkan kemarahan Melayu. Demikianlah Parti DAP berharap isu komunalisme menjadi faktor penting yang meluaskan pengaruh parti tersebut dalam memperjuangkan kepentingan komuniti bukan Melayu R. K. Vasil (1980:159).

Dalam buku yang dikarang oleh Richard L. Clutterbuck (1984:162) berjudul *“Conflict and Violence in Singapore and Malaysia, 1945-1983*, mengulaskan Tunku Abdul Rahman berasa khuatir PAP akan menggalakkan para pengundi Cina di Tanah Melayu untuk menyokong mereka dan membolehkan PAP mengambil tempat MCA sebagai parti kaum Cina dalam Perikatan. Di antara tahun 1964 hingga 1965, terdapat sekurang-kurangnya tiga kejadian yang telah merosakkan hubungan di antara Singapura-Malaysia. Pertama, terdapat beberapa rusuhan iaitu kesan daripada konflik-konflik yang bersifat perkauman di antara PAP dengan pihak pelampau perkauman yang terdiri dalam kalangan orang Melayu di persekutuan. Ia

menyumbang kepada hubungan yang tidak baik di antara kerajaan Cina di Singapura dan kerajaan pusat yang diketuai oleh orang Melayu di Kuala Lumpur. Kedua, usaha Lee Kuan Yew untuk mengemukakan calon-calon PAP dalam pilihan raya tahun 1964 di Tanah Besar telah diterjemahkan oleh ahli politik Melayu sebagai satu usaha Lee Kuan Yew untuk merebut pucuk pimpinan di Kuala Lumpur. Ketiga, pada bulan Mei 1965, Lee Kuan Yew menghimpun empat parti pembangkang di Tanah Melayu dan Sarawak untuk menyertai PAP dalam Konvensyen Perpaduan Malaysia atau ‘Malaysian Solidarity Convention’ (MSC) yang mendukung “Malaysian Malaysia”. Keadaan ini dianggap oleh Perikatan khususnya UMNO sebagai satu manifestasi cita-cita Lee Kuan Yew untuk menjadi Perdana Menteri pada ketika itu bukan sahaja dengan menarik sokongan masyarakat Cina tetapi kesemua golongan masyarakat.

Di samping itu, karya D. K. Mauzy dan R. S Milne (2002:21-22) dalam buku bertajuk “*Singapore Politics Under The People’s Action Party*” menyatakan prospek gabungan Singapura dengan Malaya atau Malaysia meransangkan kepada provokasi pembangkang di Singapura (pro-komunis) yang dilihat mahukan sebuah kerajaan yang penuh dengan autonomi tersendiri. Perkara yang membimbangkan apabila Singapura bercantum dengan Malaysia akan melaksanakan Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) di mana akan dikuatkuasakan dengan rigid. Selain itu, Diane K. Muazy dan R. S Milne turut membincangkan selepas gabungan Singapura dengan Malaysia di mana dalam masa yang singkat iaitu hanya 2 tahun sahaja, pelbagai insiden yang berlaku telah mengakibatkan Singapura terpaksa berpisah dengan Malaysia. Sebagai contoh, tindakan Singapura mengambil keputusan bertanding dalam Pilihan Raya Umum di Semanjung Malaysia pada tahun 1964. Penyertaan PAP bertujuan untuk menggantikan peranan yang dimainkan oleh MCA. Dalam konteks ini, Lee Kuan

Yew sedar bahawa kedudukan kewangan MCA agak kuat namun, kelemahan Parti MCA telah dilihat sebagai peluang dan platform kepada Parti PAP. Ini dapat dilihat apabila PAP tidak bertanding di kawasan majoritinya Melayu. Walaupun kempen pilihan raya mendapat sambutan yang hangat, namun hanya seorang calon PAP yang memengani pilihan raya tersebut iaitu Devan Nair. Satu perkara yang tidak kurang pentingnya ialah Lee Kaun Yew menubuhkan Malaysian Solidarity Convention dengan mengetuai Parti Progresif Rakyat, Parti Rakyat Bersatu Sarawak dan juga Pertubuhan Pasaok Momogun. Tujuan Penubuhan Malaysian Solidarity Convention untuk menyerlahkan konsep” Malaysian Malaysia”. Malaysian Solidarity Convention menekan rakyat perlu mempunyai kedudukan yang sama tanpa mengira kaum.

Buku bertajuk *“The Political Economy of Social Control In Singapore”* memberi penjelasan persekitaran politik pada masa itu adalah lebih kepada anti-imperialisme. Namun begitu, Britain sedia menyerahkan kuasa kepada pemimpin yang lebih bersedia menerima Piawaian Komanwel sebagai jalan alternatif. Pemimpin Singapura, Lee Kuan Yew masih melanjutkan pelajaran di Britain sedar bahawa pergerakan politik memihak kepada sayap kiri, anti-penjajah dalam kalangan penduduk Singapura walaupun di Malaya sedang dilandai masalah daripada Parti Komunis Malaya (PKM). Lee Kuan Yew telah kembali ke Singapura dengan menemukan rakan-rakan seperjuangan. Mereka adalah Goh Kheng Swee, Toh Chin Chye, S. Rajatnam, turut membincangkan cara untuk mendapat sokongan daripada rakyat khasnya mereka yang terdiri dalam kalangan berpendidikan Inggeris yang masih mentah dalam politik, apatah lagi dalam suasana politik yang penuh dengan hiruk-pikuk. Lee Kuan Yew bersama rakan-rakannya membuat tinjauan dan

mengetahui bahawa sistem pergerakan politik di Negara Singapura berada dalam keadaan yang amat lemah. Justeru, sebagai jalan keluar daripada masalah ini adalah bergantung kepada penggerakan politik sayap kiri yang bukan golongan komunis(Christopher, 1994).

Sebuah penulisan Huxley (1991:210) berjudul “*Singapore and Malaysia: A Precarious Balance*” mengulas PAP sebagai parti bukan perkauman yang menganut fahaman demokrat-sosialis percaya bahawa satu kupasan yang rasional berkenaan isu- isu perkauman akan mendorong kepada masalah perkauman dianggap sebagai satu faktor kurang penting dalam politik, seterusnya menjadi landasan masyarakat yang berbeza kelas di Singapura. Perikatan sebaliknya adalah gabungan parti politik yang terdiri daripada parti-parti yang mewakili kaum-kaum tertentu dan seringkali menghadapi masalah dalaman. Ia merasakan bahawa pendedahan dan perbincangan berkenaan hal-hal perkauman hanya akan merosakkan perpaduan dalam gabungan parti tersebut. Oleh itu, mengelakkan keganasan kaum di Malaysia menjadi unsur yang penting kepada Perikatan. Hasil pemahaman ini, sarjana seperti Tim Huxley mencadangkan strategi pertahanan Singapura adalah satu faktor menggalakkan pihak berkuasa Malaysia untuk menyekat perbincangan secara terbuka berkenaan dengan kedudukan politik, ekonomi dan sosial masyarakat bukan Melayu di Malaysia.

Dalam buku yang bertajuk “*A Short History Of Malaysia*” dikarang oleh Milton (2003:224) mengisarkan sejarah pembentukan dan kronologi di Malaysia. Melalui bahagian kecil penulisan beliau yang berjudul “*Malaysia Is Born*” mengulas berkenaan penyertaan Singapura dalam penubuhan Malaysia, pada halnya tidak

mendapat sambutan yang ikhlas dan sepenuhnya daripada masyarakat Cina<sup>4</sup> dan Melayu<sup>5</sup> dari Semenanjung Malaysia. Ketidak-pekaan Lee Kuan Yew terhadap kebimbangan UMNO dan MCA, di mana beliau telah menyertai pilihan raya di Semenanjung Malaysia pada tahun 1964. Lantaran kebimbangan yang menyelubungi UMNO, parti ini mengadakan perarakan di Singapura yang bertujuan melindungi kepentingan kaum Melayu di Singapura. Natijahnya, rusuhan kaum yang berlaku di Singapura telah mengakibatkan 21 orang terbunuh dan 460 orang tercedera.

Dalam terbitan buku Michael D. Barr dan Zlatko Skrbis (2008) ada menulis mengenai “*Constructing Singapore: Elitism And The Nation Building Project*” di mana membincangkan sebelum Singapura bergabung dengan Malaysia iaitu telah dibahagikan kepada tiga fasa. Fasa pertama, David Marshall yang memimpin Labour Front dari tahun 1956-1959. Selepas itu, Lim Yew Hock mengambil alih daripada David Marshall. Beliau memegang tumpuk dari tahun 1959-1961. Manakala fasa ketiga apabila Lee Kuan Yew mendapat tahu akan Tunku Abdul Rahman ingin menggabungkan Malaya, Brunei, Sabah, Sarawak dan kerajaan PAP mengalu-alukan cadangan ini. Dalam karya Michael D. Barr dan Zlatko Skrbis turut mengulaskan perbezaan mekanisme di antara Singapura dan Malaysia dalam konteks pembinaan negara. Singapura merupakan sebuah negara yang mempunyai multi-etnik, multi-agama, multi-lingua franca yang beradun dengan konsep yang moden. Manakala, Malaysia pula beteraskan etnisiti yang berdasarkan kepada agama, bahasa dan kaum

---

<sup>4</sup> Masyarakat Cina diwakili oleh MCA melihat kemunculan PAP berpontensi membawa persaingan kepada Parti MCA. Pada masa yang sama membimbangi akan Singapura memberi saingan yang hebat dalam dunia perniagaan terhadap saudagar Cina di Semenanjung Malaysia.

<sup>5</sup> Konservatisme yang diamalkan oleh parti UMNO yang bertunjangkan orang Melayu berasa kurang senang hati terhadap platform politik yang diamalkan oleh PAP yang mempraktiskan pendekatan multi-rasial akan mengancam kedudukan hak dan keistimewaan orang Melayu.

sebagai keutamaan pada masa yang sama membenarkan golongan bukan Bumiputera dan bukan penganut agama Islam hidup dengan lebih aman, makmur dan sejahtera.

Dalam buku berjudul “*Malaysia: The Making Of A Nation*” yang dikarang oleh Cheah Boon Kheng (2002:39) memberi penjelasan penyertaan Singapura ke dalam Malaysia sebagai cabaran serius terhadap Parti Perikatan yang melibatkan ‘historic bargain’. Dalam bab pertama buku tersebut menyatakan pada 31 Ogos 1957, gabungan multi-etnik nasionalisme yang ditunjangi oleh UMNO, MCA dan MIC melalui proses “historic bargain” ini dengan usaha dan rundingan sesama mereka berjaya menubuhkan kerajaan sendiri di mana mereka telah berjaya menyakinkan pihak kerajaan British hasil daripada kompromi dan konsensus di antara ketiga-tiga parti tersebut. Gagasan “*Malaysian Malaysia*” yang diperjuangkan oleh Parti PAP telah mencabar asas *historic bargain*. Dalam konteks ini, pada PRU 1964 di Malaysia, Parti PAP mula mencabar kontrak sosial. Lee Kuan Yew dilihat secara berhati-hati tidak menyerang secara langsung kedudukan hak dan keistimewaan orang Melayu dan kedudukan Bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi. Tetapi, beliau mempersoalkan asas pemerintahan Melayu. Tambahan pula, Lee Kuan Yew turut memperjuangkan dasar kesamaan status orang Melayu dengan kaum bukan Melayu. Pendirian beliau adalah lebih berteraskan kepada “*Malaysian Malaysia*”, tetapi sebaliknya bukan “*Malay Malaysia*”. Sejajar dengan kenyataan ini, beliau menolak persetujuan kemerdekaan yang meletakkan prinsip ketuanan Melayu dalam pentadbiran sebagai imbangan kuasa ekonomi dan perniagaan kaum Cina.

Dalam karya berjudul “*The Singapore Story: Memoirs of Lee Kuan Yew*” mengulaskan konsep “*Malaysian Malaysia*” yang menjadi asas terhadap pendekatan pembangunan PAP (Lee Kuan Yew, 1998:616). Melalui penulisan tersebut, Lee

Kuan Yew percaya bahawa konsep “Malaysian Malaysia” yang diperjuangkan dapat membina sebuah masyarakat yang dinamik dan negara progresif serta mendorong pertumbuhan ekonomi. Konsep ini turut diperdebatkan sebelum Singapura berpisah dari Persekutuan Malaysia. Semasa perhimpunan Malaysian Solidarity Convention (MSC) yang diadakan di Singapura pada bulan Jun 1965, Timbalan Perdana Menteri Singapura iaitu Toh Chin Chye telah menerangkan agenda politik untuk gagasan “Malaysian Malaysia” dengan kehadiran pemimpin-pemimpin dari parti-parti politik Tanah Melayu, Sabah dan Sarawak. Dalam ucapannya, beliau menjelaskan bahawa konvensyen ini telah memulakan satu usaha ke arah mewujudkan perpaduan antara kaum agar ia dapat menyuburkan hak-hak asasi semua bangsa dalam membentuk masyarakat berbilang kaum.

Dalam penulisan yang berjudul *“A Doctor in the House: The Memoirs of Tun Dr. Mahathir Mohamad”* oleh Mahathir Mohamad (2011:191), Parti PAP dengan tegas dan terbuka memperjuangkan gagasan “Malaysian Malaysia” sehingga membawa penyingkiran Singapura dari Malaysia pada 9 Ogos 1965. Sebelum pembentukan Malaysia, kritikan-kritikan terhadap kedudukan hak dan keistimewaan orang Melayu seringkali dilemparkan oleh Parti Progresif Rakyat (PPP) dan parti pembangkang yang lain seperti Socialist Front (SF) dan PAS. Penglibatan PAP ke dalam kancan politik Malaysia telah menyebabkan kritikan kaum bukan Melayu terhadap hak dan keistimewaan orang Melayu semakin lantang disuarakan dan mendapat sokongan terutamanya dalam kalangan generasi baru Malaysia. Justeru, pada penghujung tahun 1960-an, kaum Cina mula menuntut persetujuan yang dibuat oleh pemimpin Melayu, Cina dan India sebelum mencapai kemerdekaan supaya dilupakan.

Menurut Cham Boon Ngee (1976) dalam kajian beliau yang bertajuk “*Towards Malaysian Malaysia: A Study of Political Intergration*” telah memberi ulasan secara umum iaitu orang ramai mempunyai tanggapan bahawa pengasas konsep “Malaysian Malaysia” berasal daripada Lee Kuan Yew apabila Singapura merupakan sebahagian dari Malaysia. Cham Boon Ngee yang menjelaskan orang yang pertama mengetengahkan konsep Malaysian Malaysia ialah Tan Cheng Lock, di mana beliau menjadi perintis dalam ‘Malayan For Malaya’. Hal ini terbukti dalam satu memorandum yang dihantar oleh Tan Cheng Lock kepada Setiausaha Colonial British iaitu Sir Samuel Wilson pada December 1932 mengenai isu desentralisasi di Malaya. Tan Cheng Lock menyatakan seperti berikut:

“Kerajaan harus bertujuan untuk membina sebuah komuniti Malaya dengan kesedaran Malaya...untuk mencapai dasar yang sepatutnya Malaya untuk Melayu dan bukan untuk satu seksyen sahaja.” Dipetik dalam penulisan Cham Boon Ngee (1976:459).

Menurut Ting Chew Peh (1976) dalam penulisan beliau yang bertajuk “*The Chinese in Peninsular Malaysia: A Study of Race Relations In A Plural Society*” menjelaskan akan hubungan di antara etnik Cina dengan Melayu. Ting Chew Peh membincangkan kali pertama Parti DAP menyertai PRU pada tahun 1969 secara efektif menggunakan slogan “Malaysian Malaysia”. Parti DAP berjaya bertapak kukuh sebagai sebuah parti pembangkang yang sangat kuat dan berpengaruh di beberapa buah negeri termasuk di Perak, Negeri Sembilan, Melaka dan Selangor. Selain itu, Parti Gerakan dan PPP<sup>6</sup> yang antaranya merupakan parti pembangkang

---

<sup>6</sup> Pada tahun 1969, Parti Progresif Rakyat telah bekerjasama dengan DAP dan Gerakan pada Pilihan Raya Umum Ke-3. Pada Pilihan Raya Umum tahun 1969, Parti PPP turut menggunakan propaganda Malaysia for Malaysians. Parti PPP antara lain turut menuntut kesaksamaan untuk semua kaum. Lihat Peristiwa 13 Mei(1969)[ Atas Talian]. Dilayari pada 1 Ogos 2012. Boleh dilayari di laman <pgksm.edu.my/.../1PERISTIWA-13-MEI-1969.doc>.

dilihat turut mengecapi kemenangan yang besar di Negeri Pulau Pinang, Perak dan Selangor.<sup>7</sup>

Hew Kuan Yew (2005) dalam kajiannya menggunakan pendekatan Anthony Giddens. Anthony Giddens telah mencadangkan Jalan Ketiga iaitu susulan merentasi sayap kanan dan sayap kiri. Jalan Ketiga menjadi fahaman baru ekoran kemunculan radikal yang bersifat pertengahan. Radikal tengah pula disebut sebagai pembaharuan sosial demokrasi. Dalam mengaplikasikan kerangka Antony Giddens itu, Hew Kuan Yew telah membuat analisa pendekatan Jalan Ketiga dalam sejarah perkembangan dan perjuangan Parti DAP. Dalam menginterpretasi Jalan Ketiga pada zaman 1960-an, Parti DAP dengan prinsipnya enggan menyertai BN, lalu menyuarakan kepada pemerintah agar berwaspada dan berjaga-jaga dalam usaha untuk membanteras anasir komunis. Pada masa yang sama pula, DAP turut menghadapi tekanan daripada Barisan Sosialis yang terdiri daripada Parti Rakyat dan Parti Buruh menganggap DAP yang memperjuangkan konsep “Malaysian Malaysia” sebagai oportunistis. Hal ini demikian kerana Barisan Sosialis melihat tindakan DAP telah mengalihkan tumpuan daripada penghapusan stratifikasi sosial kepada penghapusan tembok pemisah antara rakyat. Manakala, Hew Kuan Yew dalam membicarakan fenomena politik pada akhir 1990-an dan awal tahun 2000 menjelaskan bahawa DAP juga menggunakan Jalan ketiga sebagai jalan keluar. Dalam konteks ini, DAP dilihat menolak pentadbiran parti pemerintah BN yang berdasarkan kepada pertimbangan kaum dan mengundur

---

<sup>7</sup> Gabungan ketiga-tiga parti pada Pilihan Raya Umum di antara Parti DAP, Gerakan dan PPP berjaya menguasai sebanyak 25 kerusi di Parlimen. Parti DAP telah berjaya memenangi sebanyak 13 kerusi, Gerakan sebanyak 8 kerusi dan PPP sebanyak 4 kerusi. Lihat Pilihanraya Umum Ketiga(1969)[Atas Talian]. Dilayari pada 2 Ogos 2012. Boleh dilayari di laman< [http://wwwocities.org/hualian\\_student\\_club/pilihanraya\\_umum\\_ketiga\\_1969.htm](http://wwwocities.org/hualian_student_club/pilihanraya_umum_ketiga_1969.htm) >.

diri daripada Barisan Alternatif (BA)<sup>8</sup> pada September 2001 ekoran daripada Parti PAS mewujudkan Negara Islam selepas mencapai kemenangan besar dalam PRU 1999. Justeru, Jalan Ketiga menjadi titik tolak kepada Parti DAP dalam menegakkan konsep sekularisme serta berdasarkan prinsip-prinsip demokrasi dan keadilan. Dalam kajian ilmiah Hew Kuan Yew turut mengidentifikasi UMNO yang bertunjangkan ‘Malay Nation State’. Manakala, Parti PAP dan DAP yang berteraskan ‘Malaysian Nation state’. Pertembungan dua gagasan politik ini akhirnya menjadi satu isu yang hangat diperbincangkan dalam pembinaan negara dari dulu hingga kini.

Dalam penulisan Heng Pek Koon (1996) berjudul “*Chinese Responses To Malay Hegemony in Peninsular Malaysia 1957-1996*” menyatakan walaupun pada tahun 1954, terbentuk Parti Buruh, Parti Progresif Rakyat dan United Democratic Party (UDP)<sup>9</sup>, namun parti-parti ini tidak memberi cabaran yang serius terhadap Parti MCA sehingga penubuhan Malaysia pada tahun 1963. Dengan kemasukan Singapura dalam penubuhan Malaysia, Singapura di bawah pimpinan Lee Kuan Yew yang berteraskan kepada prinsip ‘egalitarian’ dengan slogan “Malaysian Malaysia”. Slogan “Malaysian Malaysia” menegaskan bahawa golongan Bumiputera dan bukan Bumiputera haruslah mempunyai kesaksamaan hak dalam aspek politik mahupun budaya. Slogan ini mendapat sambutan yang memberansangkan daripada pengundi Cina. Lantaran itu juga, slogan “Malaysian Malaysia” telah mengakibatkan

---

<sup>8</sup> Barisan Alternatif pernah ditubuhkan secara komitmen bagi menghadapi PRU 1999. Empat buah parti pembangkang terbesar iaitu PAS, DAP, PKR dan PRM mengumumkan perikatan pilihan raya dan mengeluarkan manifesto bersama. Lihat Sejarah Kita[Atas Talian]Dilayari pada 15 Oktober 2012. Boleh dilayari di laman< <http://dapmalaysia.org/parti/Sejarah-Kita/>>.

<sup>9</sup> Parti Demokratik Bersatu (UDP) ditubuhkan pada tahun 1962 oleh Tun Dr.Lim Chong Eu, mantan Presiden MCA selepas beliau meletak jawatan dan meninggalkan MCA pada Disember 1960. Lihat Sains Politik-Parti Politik Di Malaysia[Atas Talian]Dilayari pada 23 Oktober 2012. Boleh dilayari di laman< <http://www.scribd.com/doc/86712039/Sains-Politik-Parti-Politik-Di-Malaysia> >.

polarisasi<sup>10</sup> kaum di Malaysia. Rentetan kerakusan Lee Kuan Yew yang mengerjakan Malaysian Malaysia, Mahathir Mohamad yang mula berkecimpung dalam pentas politik dalam usaha untuk menampilkan diri beliau sebagai wakil bagi komuniti Melayu dengan mengecam Lee Kuan Yew yang mengetuai PAP sebagai sebuah parti Pro-Cina dan berorientasikan Komunalisme. Walau bagaimanapun, pergerakan gagasan “Malaysian Malaysia” selepas itu terus diwarisi oleh Lim Kit Siang yang berpegang kuat kepada prinsip negara Malaysia yang bebas, demokratik, berfahaman sosialis, berdasarkan kepada prinsip-prinsip keadilan kaum dan juga kesaksamaan sosial dan ekonomi.

James(et.al, 2002) mengulas Singapura bergelut untuk mencapai kemerdekaan di mana Lee Kuan Yew merupakan penggerak utama dalam gabungan Malaysia dengan Singapura. Hasil yang diterima oleh Singapura adalah pembentukan Malaysia yang terdiri daripada gabungan Malaya, Sabah, Sarawak dan Singapura. Walau bagaimanapun, gabungan ini berkesudahan dengan tidak menemui sebarang kejayaan ekoran pemimpin PAP iaitu Lee Kuan Yew mempunyai pandangan berbeza dalam konteks politik dengan Tunku Abdul Rahman. Kerajaan Singapura dilihat enggan menerima hakikat bahawa hak dan keistimewaan orang Melayu di Singapura seperti hak dan keistimewaan yang dinikmati orang Melayu di Malaya. Pendirian PAP iaitu tanpa diskiriminasi di dalam masyarakat yang mempunyai pelbagai etnik. Ketegasan kerajaan Singapura akhirnya mengakibatkan berlakunya rusuhan di Singapura pada tahun 1964.

---

<sup>10</sup> Polarisasi kaum membawa maksud suatu situasi di mana kaum-kaum semakin renggang di antara satu sama lain. Situasi ini disebabkan oleh perasaan, sikap, tujuan dan cita-cita yang mengakibatkan kurangnya perhubungan di antara kaum dan setiap kumpulan akan mula memupuk sentimen-sentimen negatif antara satu sama lain. Konsep polarisasi tidak dapat diukur secara statistik, tetapi seseorang itu dapat merasai, melihat dan menganalisisnya menerusi institusi-institusi, orang-orang perseorangan dan dalam isu-isu tertentu. Lihat Hubungan Etnik Di Malaysia[Atas Talian]Dilayari pada 25 Oktober 2012. Boleh dilayari di laman< [http://studentsrepo.um.edu.my/362/4/BAB\\_1.pdf](http://studentsrepo.um.edu.my/362/4/BAB_1.pdf)>

Abdul Halim Ramli dan Mohammad Redzuan Othman (2012) melalui artikel mereka berjudul “*Gagasan Malaysian Malaysia: Wawasan PAP: Kesinambungan dan penentangan orang Melayu, 1964-1969*” menyatakan kebimbangan kaum bukan Melayu dan merasakan kedudukan mereka terancam khasnya terhadap peruntukan Perkara 153 kedudukan hak dan keistimewaan orang Melayu. Selain itu, artikel ini mengkaji secara mendalam terhadap perdebatan yang melibatkan pemimpin Melayu dari Kuala Lumpur dengan pemimpin dari Singapura iaitu Lee Kuan Yew. Parti PAP dari Negara Singapura seringkali memprotes kedudukan hak dan keistimewaan orang Melayu dengan gagasan “Malaysian Malaysia”. PAP sejak zaman awal penubuhannya menuntut memperbetulkan ketidakadilan sosial dan ekonomi. Malahan, PAP dalam mempelopori “Malaysian Malaysia” tanpa segan-silu memperjuangkan kesaksamaan dengan memberi peluang yang sama rata kepada semua kaum untuk menikmati kekayaan negara berdasarkan kebolehan mereka bukannya berdasarkan keturunan dan bangsa. Gagasan “Malaysian Malaysia” yang mendasari ideologi PAP berkembang di Malaysia pada tahun 1964. Setelah berlaku pemisahan Singapura dari Malaysia pada tahun 1965, wawasan PAP kemudiannya telah diperjuangkan pula oleh DAP.

Pembentangan kertas kerja oleh Tan Weng Lin (2001) bertajuk “*Singapore's inability to reconcile Singaporean nationalism with Malaysian nationalism was the fundamental cause of the island's separation from Malaysia in August 1965*” turut menjelaskan hubungan Malaysia dengan Singapura bagaikan ‘suami dan isteri’ yang mula terjalin pada 16 September 1963 dengan pembentukan Malaysia. Namun, tidak secocok antara satu sama lain. Oleh itu, Singapura terpaksa bercerai dengan Malaysia pada 9 Ogos 1965. Penceraian ini disebabkan perbezaan nasionalisme dan pegangan

politik. Nasionalisme Malaysia adalah berteraskan sayap kanan, anti-komunis dan berorientasikan komunalisme yang cenderung kepada pro-Melayu. Sebalinya Singapura merupakan masyarakat yang terdiri dalam kalangan kaum Cina yang lebih ramai, ditadbir oleh kerajaan yang dipengaruhi oleh sayap kiri dan membantah fahaman komunisme dan komunalisme. Pertikaian Perlembagaan, geseran perkauman dan konflik peribadi merupakan penyumbang penceraian Malaysia dengan Singapura.

Sementara itu, dalam pembentangan kertas kerja yang bertajuk “*The Origins And Evolution Of Ethnocracy In Malaysia*” mengulas tentang keupayaan Tunku Abdul Rahman yang membimbing Parti Perikatan demi mencapai kemenangan dalam pilihan raya pada tahun 1959 telah memberi sinaran baru kepada Tunku ke arah penubuhan Malaysia. Hal ini demikian kerana penajah Britain berasa khuathir iaitu Perang Dingin akan mengakibatkan Singapura terjerumus ke dalam kancang Komunis. Tambahan pula, sentimen anti-Komunis yang bergelora sehingga ia menjadi suatu manifesto kepada pihak British dan Melayu sebagai agenda anti-Cina. Ekoran itu, Tunku mengajak Singapura, Sabah, Sarawak dan Brunei menyertai penubuhan Malaysia. Keadaan ini dapat memastikan kaum Cina tidak akan menjadi kumpulan majoriti di Malaysia. Pada masa yang sama menekankan peribumi sabah dan Sarawak dapat menikmati hak-hak dan keistimewaan. Akhirnya, Malaysia telah dibentuk dengan penyertaan Singapura, Sabah dan Sarawak. Menurut Geof Wade lagi, dengan mandat baru melalui penubuhan Malaysia ini telah berlaku peningkatan populasi Bumiputera, manakala komuniti Cina dibahagikan kepada dua kelompok iaitu Pro-Sayap Kanan dan Pro-Sayap Kiri. Dalam hal ini, pemimpin Singapura iaitu Lee Kuan Yew berasa kurang selesa terhadap situasi ini, lantas mempelopori gagasan

“Malaysian Malaysia” sebagai usaha menyangkal hak dan keistimewaan Bumiputera(Wade,2009).

Artikel Md. Shukri Shuib dan Mohamad Faisol Keling (2009) yang berjudul “*The Implication Of Cold War On Malaysia State Building Process*” telah mencoret perbincangan terhadap implikasi Perang Dingin yang tercetus selepas Perang Dunia Kedua terhadap ideologi yang dipraktis oleh negara-negara Asean ke arah mencorak sejarah pembentukan negara. Artikel ini turut menjelaskan berkenaan dengan konsep “Malaysian Malaysia” yang menjadi tema utama Parti PAP iaitu dipelopori oleh Lee Kuan Yew ditafsir sebagai menurunkan taraf Bumiputera. Malahan, tema Malaysian Malaysia mencabar Parti Perikatan yang memegang kuasa kerajaan Persekutuan di Kuala Lumpur. Lantaran insiden ini, Tunku terpaksa memberi kemerdekaan kepada Singapura. Kempen “Malaysian Malaysia” menjadi faktor penting yang mengakibatkan pemisahan Singapura dari Malaysia. Selepas pemisahan dari Malaysia, Lee Kuan Yew mencapai 100 % kemenangan setiap kali pilihan raya Singapura diadakan sejak tahun 1968-1984. Ianya membolehkan Lee Kuan Yew mengamalkan pemerintahan ‘authoritarian’ sekaligus membanteras Komunis secara agresif dan habis-habisan.

Di samping itu, Mohd Isa Othman (2002:352) telah mengulas soal ancaman komunis, sejarah, politik dan perpaduan yang dilihat sebagai pendorong utama ke arah pembentukan Malaysia. Teori Domino begitu berpengaruh dalam politik Asia Tenggara pada tahun 1960-an. Menurut teori ini, komunis yang sudah bertapak di Indo- China akan menguasai negara-negara lain di Asia Tenggara. Oleh itu, negara-negara kecil didapati sukar untuk menghadapi ancaman ini. Salah sebuah negeri yang dikhuatiri jatuh ke tangan komunis ialah Singapura. Menjelang bulan Mei 1961,

terdapat tanda-tanda Parti Tindakan Rakyat (PAP) akan kalah dan dikuasai oleh parti-parti yang berhaluan kiri. Begitu juga Singapura yang dilihat akan menjadi Cuba kedua. Sekiranya pulau tersebut dikuasai oleh komunis, keselamatan Tanah Melayu akan terancam. Pengalaman ancaman komunis di Vietnam dan Korea dilihat dengan begitu cemas oleh pemimpin politik Tanah Melayu dan Singapura. Selain itu, di Sarawak juga telah wujud ancaman komunis daripada kegiatan Parti Komunis Kalimantan. Pemimpin PAP, Lee Kuan Yew menyokong gagasan Malaysia kerana rancangan ini diharap dapat menyelamatkan PAP yang sedang berada dalam krisis ekoran ramainya golongan kiri PAP menyokong Parti Buruh. Petanda kemerosotan PAP dikesan selepas kekalahannya dalam Pilihan Raya Kecil (PRK) kawasan Hong Lim dan Anson. Kerajaan Tanah Melayu khuatir jika proses kemerdekaan Singapura berjalan lancar, maka pulau ini akan dikuasai puak kiri dan kemudiannya komunis.

Dalam sebuah artikel yang dicoret Rizal Yaakop (2011) bertajuk “*Malaysian Malaysia versus Keabsahan Ketuanan Melayu dan Negara Islam*” dilihat menelusuri sejarah tanah air, semangat kebangsaan Malaysia dan Singapura telah mula mencari arah yang berlainan apabila ia pertamanya dipisahkan dari Tanah Melayu pada 1 April 1946 untuk mewujudkan Malayan Union. Walaupun pemisahan ini bukan ditakdirkan untuk terus kekal, ia mencipta logik yang tersendiri. Tiga belas tahun berjauhan mengakibatkan perbezaan politik dan ideologi di antara dua buah entiti ini. Walaupun begitu, sekiranya kedua-dua negara ini bersatu semula, perbezaan dalam semangat kebangsaan akan tetap kukuh. Lantaran itu, semangat kebangsaan masing-masing yang dibawa secara serentak menyebabkan pertelingkahan kepercayaan dan fahaman politik, menimbulkan perasaan syak wasangka dan salah faham antara parti pemerintah iaitu di antara PAP dengan Perikatan yang kemudiannya mengakibatkan

pemisahan Singapura dari Malaysia. Jelasnya, insiden yang sedemikian merupakan faktor yang terbenam sehingga ia menjurus kepada perpisahan Singapura dengan Malaysia. Rizal Yaakop (2011) turut memperincikan konsep “Malaysian Malaysia” yang pernah diperjuangkan oleh PAP semasa bersama Malaysia masih diteruskan oleh DAP di mana gagasan yang diteruskan itu mencabar konsep ketuanan Melayu dan negara Islam yang masing-masing masih diperjuangkan oleh UMNO dan PAS.

### **1.3 Latar Belakang Kajian**

Tujuan kajian ini dijalankan untuk meneliti sejarah perkembangan Parti DAP yang memperjuangkan gagasan “Malaysian Malaysia”. Dalam konteks kajian ini, pengkaji menghuraikan konsep Malaysian Malaysia yang menjurus ke arah pembangunan pengetahuan dengan memperincikan perbahasan dan penjelasan yang lebih mendalam berkenaan pendekatan yang diperjuangkan oleh Parti DAP ini dalam arena politik Malaysia. Pengkaji juga mengemukakan usaha-usaha Parti DAP dalam mempromosikan gagasan mereka dengan memberi gambaran yang jelas melalui kajian ini. Untuk mencapai tujuan ini, pengkaji akan merencanakan langkah-langkah Parti DAP mengubah strategi “Malaysian Malaysia” di antara tahun 1965 hingga 2010 dengan memberi tumpuan ke atas dua faktor yang dipilih iaitu konteks persekitaran politik dan fenomena sosial. Dalam mengemukakan peranan DAP, tumpuan pengkaji adalah mengenai ketegasan dan kecenderungannya ke arah “Malaysian Malaysia”.

Dalam menghuraikan mengenai faktor persekitaran politik pula, penulis akan memperlihatkan bagaimana persekitaran politik ini memberi kesan ke atas gagasan “Malaysian Malaysia”. Sehubungan dengan itu, penulis akan memperhalusi tindakan

Parti DAP yang menguar-uarkan konsep “Malaysian Malaysia” sama ada bertanding secara bersendiri ataupun berkerjasama dengan parti-parti pembangkang yang lain. Berhubung dengan fenomena sosial, pengkaji akan meninjau usaha DAP yang masih nekad melaung-laungkan “Malaysian Malaysia”. Dalam usaha mendalami hal ini, teori politik adalah suatu bentuk yang umum atau generalisasi yang abstrak mengenai beberapa fenomena. Perlu diambil kira bahawa teori politik adalah suatu perbahasan dan renungan di atas tujuan dalam melaksanakan kegiatan politik, mengenalpasti cara-cara mencapai tujuan ini, mengenalpasti segala kemungkinan yang ditimbulkan oleh situasi politik tertentu dan kewajipan yang disebabkan oleh tujuan politik itu (Budairjo, 2007:30). Persoalannya adalah bagaimana gagasan “Malaysian Malaysia” yang dipelopori oleh Parti DAP terjadi dalam proses ini? Justeru, pengkaji akan meninjau teori politik Parti DAP yang berteraskan kepada gagasan “Malaysian Malaysia” untuk menandingi cogan kata pihak pemerintah yang diilhamkan oleh pemimpin BN khasnya oleh Perdana Menteri Malaysia yang memegang jawatan sebagai pemimpin tertinggi di negara ini. Sehubungan dengan itu, ia dapat melihat sebab-musabab Parti DAP terpaksa mengubahsuai ‘motto’ mereka ataupun cara parti tersebut untuk mengadaptasikan diri dengan politik semasa.

Antara alasan-alasan yang mendorong penulis memilih dua faktor di atas melalui kajian ini adalah mengenai strategi Parti DAP dalam melaung-laungkan ilmu politik di sebalik gagasan “Malaysian Malaysia” mereka sama ada secara ilmiah atau sebaliknya. Penulis mendapat bahawa sama ada parti lain yang pernah berdiri secara selari dengan dengan Parti DAP ataupun berlawanan dengan Parti DAP seperti kata pepatah ‘lama tiada kawan dan musuh yang selama-lamanya dalam politik’. Dengan demikian dapat dilihat bahawa terdapat kekurangan dalam prinsip DAP sendiri yang